

PROGRAM MINDA DAN BUDAYA DIGITAL TAHUN 2023

KUANTAN, 23 Oktober 2023 – Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan Program Minda dan Budaya Digital Tahun 2023. Program ini dilaksanakan pada 16 hingga 17 Oktober 2023 (Isnin-Selasa) bertempat di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan dan dihadiri oleh 60 orang peserta daripada pelbagai Unit, Bahagian dan Jabatan dibawah Pentadbiran Pejabat SUK Pahang.

Program Minda dan Budaya Digital ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap kesedaran, penerimaan dan pemahaman terhadap kepentingan transformasi cara berfikir dan budaya kerja penjawat awam daripada kaedah konvensional kepada digital. Dalam pada itu juga, program ini bertujuan untuk menyebar luas kepentingan dasar *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR) kepada warga penjawat awam negeri Pahang. Selain itu, program ini untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam pada setiap peringkat serta peranan dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan digital kepada rakyat sejajar dalam era ledakan digital.

Akhir sekali, Program Minda dan Budaya Digital Tahun 2023 ini dilaksanakan adalah berkesinambungan dengan objektif dan hala tuju Pelan Digital Pahang yang telah disempurnakan oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 31 Mei 2022.

Disediakan oleh Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Nur Husnina binti Mohamed

Foto : Muhamimin bin Abdul Ghaffar

GAMBAR PROGRAM



